

KONFLIK NILAI DALAM SYAIR TENKU PERABU

(*Conflict of Moral in Syair Tenku Perabu*)

Wan Roshazli Wan Razali

wan_sha@usm.my

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, 11800 Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Wan Roshazli Wan Razali.
(2024). Konflik nilai dalam *Syair Tenku Perabu*. *Malay Literature*,
37(2), 251–268. [https://doi.org/10.37052/ml37\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/ml37(2)no4)

Received:	13/8/2024	Revised:	10/11/2024	Accepted:	12/11/2024	Published online:	14/11/2024
Peroleh:		Semakan		Terima:		Terbit dalam talian:	

Abstract

Karya sastera lahir sebagai wadah yang menyajikan pelbagai pengalaman, pengetahuan dan maklumat yang bersifat didaktik dengan pelbagai fungsi. Satu daripadanya adalah berkaitan konflik yang terdapat dalam Syair Tenku Perabu. Syair ini telah ditulis pada abad ke-19 dan pengarang asalnya tidak diketahui. Penulisan syair adalah berbentuk tantangan dan protes kepada kuasa tertinggi, iaitu Sultan Hussein Muadzam Syah yang menjadi raja di Singapura pada ketika itu. Objektif utama kajian ini adalah untuk membincangkan konflik yang terdapat dalam Syair Tenku Perabu sehingga menimbulkan protes dalam kalangan rakyat bawahan. Bagi memperdalam lagi perbincangan, konsep konflik oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd dijadikan kerangka utama dalam perbincangan. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon (1998), terdapat tiga faktor yang menjadi pencetus kepada konflik, iaitu tingkah laku negatif, kuasa dan perhubungan. Terdapat dua ciri konflik, iaitu konflik isi yang berpusat pada benda, perkara, peristiwa atau orang yang menjadi punca konflik tersebut, dan seterusnya ialah konflik pertalian, iaitu individu tersebut mempunyai pertalian atau perhubungan sama ada suami isteri, anak atau juga ahli keluarga. Hasil kajian mendapati bahawa Syair Tenku Perabu merupakan sebuah karya yang sarat dengan unsur konflik dan konsep oleh Abdullah Hassan dan Ainon menepati analisis karya ini.

Kata kunci: Syair Tenku Perabu, protes, konflik, tingkah laku negatif, perhubungan, kuasa

Abstract

Literary works emerge as a medium that presents a variety of experiences, knowledge, and information with didactic purposes, serving multiple functions. One of these functions is related to the conflicts found in the Syair Tenku Perabu. This syair was written in the 19th century, and the identity of the original author remains unknown. The syair was composed as a form of challenge and protest against the highest authority, Sultan Hussein Muadzam Shah, who was the ruler of Singapore at that time. The main objective of this study is to discuss the conflicts present in Syair Tenku Perabu that sparked protests among the lower class society. To deepen the discussion, the concept of conflict by Abdullah Hassan and Aion Mohd is used as the primary framework for analysis. According to Abdullah Hassan and Aion (1998), there are three main triggers of conflict, which are negative behaviour, power, and relationship. They further added that there are two characteristics of conflict; content conflict, which centres around things, matters, events, or people that are the source of the conflict, and relational conflict, which involves individuals who have connections or relationships, such as spouses, children, or other family members. The findings of this study reveal that Syair Tenku Perabu is a work filled with conflictual elements, and the theory by Abdullah Hassan and Aion Mohd appropriately applies to the analysis of this text.

Keywords: Syair Tenku Perabu, protest, conflict, negative behaviour; relationship, power

PENDAHULUAN

Syair Tenku Perabu merupakan satu daripada karya sastera klasik berbentuk tantangan terawal ditemui dan tidak diketahui pengarang asalnya (Muhammad Haji Salleh, 1994:33). Naskhah syair dalam bentuk ini bukan sahaja sebagai contoh puisi protes, malah memperlihatkan bagaimana bentuk syair menampung tema ekonomi, penindasan serta penentangan (Muhamad Haji Salleh, 1994:viii-x). *Syair Tenku Perabu* telah ditulis pada abad ke-19, dan pada masa yang sama kuasa-kuasa asing begitu giat mencari kawasan di Asia Tenggara untuk meluaskan kuasa mereka dan Tanah Melayu termasuk Singapura tidak terkecuali daripada menerima nasib yang sama. Kehadiran kuasa asing di alam Melayu telah mengubah landskap masyarakat Melayu bukan hanya dalam bidang politik

dan ekonomi sahaja tetapi dalam masa yang sama turut memberikan kesan dalam bidang persuratan (Jelani Harun, 2017:32). Sebelum kedatangan kuasa Inggeris, masyarakat Melayu silam sangat mementingkan adab dan sopan dalam penulisannya menggunakan kias dalam menegur atau mengkritik bagi mengelakkan perbalahan antara satu sama lain. Hal ini kerana masyarakat silam sangat mementingkan fungsi sastera yang membawa suara atau pesanan orang-orang tua.

Penjelasan Jelani Harun memperkuat lagi bahawa sastera bukanlah lahir daripada kekosongan sebaliknya hasil kebijaksanaan pengarangnya dalam menghasilkan karya sastera yang membawa informasi serta kebenaran tetapi melalui kaedah yang berbeza. Pernyataan tersebut membuktikan bahawa karya sastera adalah akrab dengan masyarakat dan zaman penghasilannya seperti kata-kata ulung dari sasterawan negara Muhammad Haji Salleh Salleh (2006:268):

Malay literature, especially the traditional, was very close to its society. It deal with his real problem.

[Sastera Melayu, terutamanya sastera tradisional sangat rapat dengan masyarakatnya. Karya ini mengetengahkan masalah sebenarnya.]

Penyataan oleh Muhammad Haji Salleh bahawa karya silam cukup akrab dengan masyarakatnya tidak dapat dinafikan kerana peristiwa yang berlaku dalam *Syair Tenku Perabu* adalah berdasarkan rakaman sejarah pada 1830-an di Singapura dan Melaka (Muhammad Haji Salleh, 1994:22). Namun kedatangan kuasa Barat telah mengubah pemikiran masyarakat silam dalam penghasilan karya sastera. Antara tokoh terawal yang melakukan rombakan dalam penulisan sastera Melayu ialah Abdullah Munsyi yang telah melahirkan beberapa autobiografinya yang terkenal seperti *Hikayat Abdullah*, *Hikayat Pelayaran Abdullah*. Karya Abdullah Munsyi dengan bebas mengkritik keperibadian raja-raja Melayu ketika itu, seterusnya memperlihatkan kepengarangan bercorak baharu, iaitu lebih berbentuk keindividualan (Jelani Harun, 2017:33–34).

Fokus penulisan dalam *Syair Tenku Perabu* lantang menghentam keperibadian raja dan puisi ini menjadi cerminan perasaan penduduk Melayu di Singapura, iaitu tanah jajahan British ketika itu yang tidak berpuas hati dengan ketidakadilan yang menimpa mereka (Muhammad Haji Salleh, 1994:viii–ix). Dalam menghasilkan karya yang mengisahkan

perihal berkaitan dengan raja dan keturunannya, para pujangga istana memiliki autoriti yang ketat dan kisah tersebut tidak boleh diceritakan secara sembarangan. Namun karya sastera silam masih lagi memberikan peluang dan ruang kepada rakyat untuk menyuarakan ketidakpuasaan hati mereka terhadap raja melalui mitos dan metafora tertentu bagi mengkritik sebarang bentuk kezaliman dan ketidakadilan yang dilakukan. Menurut Jelani Harun (2017:32):

Karya Agung Melayu telah memberi ruang sepenuhnya kepada rakyat dalam meninggikan suara atau mengkritik raja tetapi perlu dengan penuh sopan, hikmah dan bijaksana. Umpamanya *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan salah satu Karya Agung Melayu yang telah meninggikan suara rakyat dan memberi ruang yang jelas untuk mengkritik raja tanpa menggunakan kata-kata kasar. Metafora yang digunakan dalam karya cukup hebat apabila mengaitkan pernikahan awal keturunan raja Kedah dengan gergasi serta tumbuhnya siung oleh Raja Maha Perita Deria sebagai lambang kezaliman seorang raja telah diungkapkan dengan jelas.

Pandangan ini menjelaskan kesopanan dan ketertiban masyarakat Melayu silam dalam mengungkapkan ketidakpuasaan hati terhadap golongan raja tanpa menyinggung perasaan raja dan keturunannya. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa karya silam tidak lekang dalam mengutarakan konflik yang berlaku dalam masyarakatnya termasuk dalam *Syair Tenku Perabu* yang memaparkan pergolakan konflik keperibadian raja dan keluarganya dalam suasana pengaruh Inggeris yang berusaha melebarkan cengkaman di Asia Tenggara. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk membincangkan konflik yang terdapat dalam *Syair Tenku Perabu* sehingga menimbulkan protes dalam kalangan masyarakat bawahan.

Konflik ialah perselisihan faham, pertentangan pendapat, ketidakakuran yang melibatkan kehendak, idea serta kepentingan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, n.d.). Bagi Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1998:130), konflik ialah situasi yang sering berlaku terutamanya dalam perhubungan interpersonal. Konflik melibatkan perhubungan individu yang memiliki pelbagai idea, emosi, konsep diri dan lain-lain. Nidzam (2018:111), menjustifikasikan konflik sebagai sesuatu yang biasa dan lumrah dalam kehidupan sama ada dalam masyarakat, kelompok, etnik, diri, kebudayaan, ekonomi serta sosial. Masyarakat atau individu yang tidak mempunyai konflik adalah tidak normal. Konflik tidak wajar dilihat

dari aspek negatif sahaja kerana konflik juga harus dilihat dari sudut positif, umpamanya konflik juga dapat merapatkan hubungan, memulihkan kembali silaturahim serta memperbaiki sesuatu yang retak (Nidzam Sulaiman, 2018:113–114).

Konflik pada pandangan Pruitt dan Rubin (2004:9) melibatkan perkelahian, pergaduhan, peperangan termasuk pertumpahan darah. Kedua-dua sarjana ini turut memperluas definisi konflik dari sudut ketidaksepakatan, pertentangan disebabkan oleh kepentingan tersendiri serta penyelesaian atau keinginan yang tidak dapat dicapai secara bersama (Pruitt & Rubin, 2004:10). Pandangan yang diutarakan oleh Pruitt dan Rubin agak radikal kerana lebih menjurus kepada bentuk kekerasan dan justifikasi tersebut adalah kurang sesuai untuk diterapkan dalam penulisan makalah ini kerana konflik dalam syair ini tidak melibatkan sebarang bentuk kekerasan.

Menurut Blake (1991:15) pula, konflik berlaku apabila dua pihak atau kumpulan berusaha untuk memiliki objek yang sama, menduduki ruang yang sama atau berebut kedudukan yang sama mengekalkan matlamat yang tidak selari atau mengambil tindakan yang tidak selari untuk mencapai tujuan. Sementara itu, Malike (2008:79–80), menyifatkan konflik terdiri daripada beberapa kategori, iaitu konflik dalaman, interpersonal, intrakelompok dan interkelompok. Konflik dalaman menjurus kepada pertentangan atau pertembungan emosi, nilai, pemikiran, atau kepercayaan dalam diri seseorang. Konflik sebegini hanya melibatkan diri individu sahaja tanpa melibatkan orang lain. Interpersonal merujuk konflik yang berlaku antara individu dengan individu, manakala intrakelompok pula melibatkan organisasi atau kumpulan yang lebih besar. Konflik intrakelompok timbul kerana perbezaan pendapat atau perselisihan faham antara ahli. Faktor ini adalah disebabkan oleh perbezaan matlamat, kehendak peribadi, ideologi yang tidak dapat memberikan kepuasan kepada setiap individu, manakala interkelompok merujuk konflik yang berlaku antara kumpulan (Malike, 2008).

KAJIAN LEPAS

Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat empat bentuk kajian yang telah dilakukan ke atas *Syair Tenku Perabu* antaranya berbentuk filologi, sejarah, perbandingan dan juga berbentuk intrinsik. Muhammad Haji Salleh (1994) dalam kajiannya yang berbentuk filologi merupakan individu yang

bertanggungjawab dalam melakukan usaha penterjemahan syair ini kepada tulisan rumi. Beliau turut menjelaskan bahawa syair ini bersuara protes atau tantangan di tengah-tengah pergolakan antara kuasa Melayu dengan kuasa asing yang sedang berlaku ketika itu. *Syair Tenku Perabu* sangat unik kerana pengarangnya begitu berani mengkritik keperibadian rajanya secara terang-terangan, dan situasi sebegini amat jarang sekali ditemui dalam karya Melayu silam terutamanya yang berkisar tentang raja (Muhammad Haji Salleh, 1994). Hasil daripada penelitiannya, beliau hanya menegaskan bahawa syair ini dipenuhi dengan elemen percanggahan nilai dan moral, namun tidak mengaitkannya dengan sebarang konflik.

Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud (2018) melalui kajian yang berbentuk bandingan menjadikan teks *Syair Tenku Perabu* dan teks *Taj Us Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari sebagai teks utama dalam perbincangan makalah. Penulisan makalah ini menjurus kepada aspek perbandingan dari sudut corak pemerintahan raja yang adil. Dapatan penulisan ini merumuskan bahawa Sultan Hussein telah gagal mempamerkan contoh terbaik dalam pemerintahannya seperti yang digariskan dalam teks *Taj Us Salatin*. Secara jelas penulisan kedua-dua kajian tersebut tidak menjurus kepada aspek konflik yang terdapat dalam *Syair Tengku Perabu*.

Seterusnya kajian berkaitan dengan sejarah oleh Rahimah Hamdan dan Mayzatul Syuhaiba Razali (2022) memfokuskan penulisan dalam mencari kesahihan fakta dalam *Syair Tenku Perabu* dengan sejarah berpandukan peristiwa yang terdapat dalam *Sejarah Johor* dan *Hikayat Pelayaran Abdullah*. Hasil perbincangan membuktikan bahawa garapan peristiwa *Syair Tenku Perabu* adalah berdasarkan peristiwa yang benar dan bukan rekaan atau khayalan pengarang. Namun tidak dinafikan bahawa kaedah penyampaiannya dalam bentuk syair ini membuatkan para pembaca meragui kesahihannya sebagai karya yang memaparkan nilai sejarah.

Wan Roshazli Wan Razali (2022) melalui kajiannya pula menggunakan teori naratif oleh Mieke Ball yang memilih elemen ideologi sebagai strategi dalam menyampaikan naratifnya. Kajian ini turut berteraskan konsep bandingan dengan mengambil contoh keperibadian raja yang adil berdasarkan Nasihat *al-Muluk* oleh Imam Al-Ghazali. Kajian mendapati bahawa tiada ciri-ciri keperibadian raja yang baik seperti yang diunjurkan oleh Imam al-Ghazali yang dimiliki oleh Sultan Hussein dan kejatuhan sistem beraja Singapura adalah disebabkan oleh faktor kelemahan keperibadian pemimpin.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan naskah *Syair Tenku Perabu* yang telah ditransliterasikan oleh Muhammad Haji Salleh (1994). Perbincangan tentang teks *Syair Tenku Perabu* adalah melalui kaedah analisis kandungan. Metodologi ini dipilih kerana kaedah ini sesuai digunakan ke atas sumber data berbentuk dokumen bertulis, buku, manuskrip dan teks. Fokus diberikan kepada aspek intrinsik naskah dengan tujuan untuk menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam *Syair Tenku Perabu*. Kajian ini juga memanfaatkan konsep konflik oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1998).

Abdullah Hasan dan Ainon Mohd (1998:130) mengkategorikan konflik kepada dua bahagian. Pertama ialah konflik isi, iaitu konflik yang berpusat pada benda, perkara, peristiwa atau orang yang menjadi punca konflik tersebut. Konflik kedua pula ialah pertalian, iaitu individu yang mempunyai pertalian atau perhubungan sama ada suami isteri, anak atau ahli keluarga dan berlaku ketidakpatuhan antara mereka. Konflik tidak akan tercetus tanpa sebab. Terdapat tiga faktor yang menyebabkan berlakunya konflik, iaitu tingkah laku negatif, kuasa dan perhubungan (Abdullah Hasan & Ainon Mohd, 1998:133).

Ketiga-tiga faktor pencetus konflik ini dapat dikaitkan dengan sikap dan perwatakan Tenku Perabu dan juga Sultan Hussein dalam syair ini. Pertama ialah tingkah laku negatif dapat dikaitkan dengan perbuatan Tenku Perabu yang telah berselingkuh dengan Tambi dan juga perwatakan Sultan Hussein yang mempunyai kelemahan ilmu pengetahuan berkaitan dengan hal tadbir negara yang mengakibatkan Singapura berada dalam huru hara. Konflik kuasa pula dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa oleh Tenku Perabu dan Sultan Hussein sebagai isteri, ibu, pemimpin dan juga ketua keluarga yang bertindak zalim bukan hanya kepada rakyat Singapura tetapi juga terhadap anak mereka sendiri. Faktor pencetus berkaitan dengan perhubungan pula menjurus kepada hubungan suami isteri, iaitu Tenku Perabu yang tidak mentaati suaminya serta kegagalan Sultan Hussein menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang suami dalam memberi didikan kepada isteri serta kewajipan beliau sebagai seorang ayah untuk melindungi zuriat sendiri. Peristiwa ini dapat dilihat apabila beliau sanggup membuang Tenku Jalil kerana hasutan Tenku Perabu dan menikahkan anaknya, iaitu Tenku Andak dengan Tambi tanpa meminta persetujuan Tenku Andak. Sultan Hussein menggunakan kuasa dan hubungannya

sebagai seorang raja dan sebagai seorang bapa dalam membuat keputusan. Oleh itu, konsep konflik oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd dikupas dengan lebih mendalam dalam kajian. Pemilihan konsep oleh sarjana ini menepati konflik yang terdapat dalam *Syair Tenku Perabu*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pencetus pertama kepada konflik dalam syair ini, iaitu tingkah laku negatif dapat dikesan dalam syair ini. Hal ini demikian kerana Tenku Perabu mempunyai hubungan sulit dengan Abdullah Abdul Khadir, seorang India Muslim yang digelar sebagai Tambi, sedangkan Tenku Perabu merupakan seorang permaisuri serta dihormati oleh masyarakatnya. Hubungan terlarang ini akhirnya diketahui oleh rakyat Singapura sehingga mencetuskan protes dalam kalangan rakyat kerana seorang yang tinggi kedudukannya melakukan perbuatan yang menyalahi agama (*Syair Tenku Perabu*, 1994:55):

Dengarkan karangan suatu cerita,
Kisahnyanya sultan raja yang nyata,
Seisi negeri ramai menista,
Terlalulah rayu sekalian kita.

Di dalam sihat selamat sentosa,
Ditakdirkan Allah Tuhan yang kuasa,
Adalah kepada suatu masa,
Isteri baginda berbuat termasa.

Bernama bergelar Tenku Perabu,
Beranak bersaudara harta beribu,
Bagaimanalah sekalian hati tak sendu,
Uri yang jati menjadi abu.

Lakunya laksana air yang hening,
Sedap dan manis tidak berbanding,
Seduduk dengan peranakan keling,
Ditertawakan orang rata keliling.

Selain itu, tingkah laku negatif pada Tenku Perabu dapat dikesan dalam syair ini kerana tidak mentaati suami dengan berselingkuh. Penghayatan yang kurang berkaitan dengan ajaran Islam merupakan satu daripada

penyebab terjerumusnya kepada perbuatan terlarang. Sekiranya Tenku Perabu mentaati ajaran agama, perbuatan tercela tersebut pasti tidak akan berlaku. Perbuatan sumbang tersebut telah mengaibkan bukan hanya keluarga diraja Singapura malah rakyat juga terpalit sama. Akibatnya rakyat mula meragui kewibawaan raja kerana tidak mengambil sebarang tindakan terhadap perbuatan mungkar tersebut, sebaliknya membiarkan kemungkaran terus bemaharajalela di istana Singapura. Raja yang tidak mampu mencegah sebarang bentuk kemungkaran atau kemaksiatan yang berlaku membuktikan bahawa raja tersebut gagal menjadi seorang pemimpin dan wajar dinasihati. Menurut Noriah Taslim (2008:51), masyarakat silam sangat berpegang kepada konsep pantang menderhaka walaupun raja tersebut adalah zalim. Namun menerusi karya klasik, kiasan dan ibarat digunakan dalam mengkritik perbuatan raja.

Huru hara, kezaliman, penindasan yang berlaku dalam negara merupakan satu petanda dari Allah bahawa kerajaan tersebut akan binasa seperti mana yang berlaku dalam teks-teks klasik. Situasi kehancuran negara akibat kezaliman raja sudah dijelaskan oleh Seri Teri Buana yang mewakili golongan raja dan Demang Lebar Daun bagi pihak rakyat seperti yang tertulis dalam teks *Sulalatus Salatun* (1979:24):

Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya.

Peristiwa ini dikenali sebagai wa'ad dan wa'adat, iaitu perjanjian sumpah setia antara raja dengan rakyat yang bersaksikan kalam Allah, iaitu balasan Allah akan menimpa sekiranya salah seorang mengubah perjanjian tersebut. Perjanjian ini membawa falsafah moral dan pemikiran akhlak yang sentiasa benar sepanjang masa dan selaras dengan ajaran Islam. Namun taat setia rakyat adalah bersyarat selagi raja tidak memberi hina, nista dan aib kepada rakyat. Perjanjian ini menimbulkan implikasi politik yang sangat besar kerana memberikan suatu kebenaran bertulis kepada rakyat untuk menderhakai raja demi mempertahankan maruah dan harga diri mereka. Konsep ini menegaskan bahawa rakyat memiliki kebebasan bersuara seperti mana yang terdapat dalam *Syair Tenku Perabu* apabila rakyat mula bersuara berkaitan dengan ketidakadilan serta kemungkaran yang sedang berlaku.

Dalam fahaman bangsa Melayu silam, raja dan agama adalah satu dan mempertahankan raja adalah sama ertinya dengan mempertahankan agama

Islam kerana raja ialah lambang ketua agama. Sebagai kuasa tertinggi yang bertanggungjawab mempertahankan kesucian agama Islam, Sultan Hussein gagal memikul tanggungjawab ini. Beliau turut memiliki tabiat buruk yang lain seperti boros, lemah akal, sering menurut hawa nafsu dan sering berfoya-foya (*Syair Tenku Perabu*, 1994:56):

Di dalam kenangan tidak berputus,
Segala raja-raja utus mengutus,
Bergaji sebulan tiga belas ratus,
Habis terjahanam bagai dihembus.

Dari halnya sultan raja yang asli,
Gagap dan buta lalai dan tulis,
Beberapa dipersembahkan ke bawah duli,
Sedikit pun tidak baginda peduli.

Konflik yang melibatkan tingkah laku negatif Sultan Hussein yang merupakan raja di Singapura pada ketika itu kerana beliau tidak mengambil sebarang tindakan sebaliknya membiarkan perbuatan sumbang isterinya dan Tambi. Tindakan berdiam diri oleh Sultan Hussein berkaitan dengan hubungan terlarang ini membawa pengertian bahawa beliau telah menghalalkan perbuatan terkutuk tersebut untuk terus berlaku dalam istananya. Perwatakan Sultan mengukuhkan lagi bahawa beliau turut mempunyai masalah dalaman dengan diri sendiri seperti lemah akal, kurang ilmu sehingga tidak mampu menghalang perbuatan mungkar yang dilakukan oleh isteri sendiri.

Tingkah laku negatif Sultan Hussein yang boros juga dapat ditemukan dalam rangkap “bergaji sebulan tiga belas ratus habis terjahanam bagai dihembus”. Wang yang diterima sebanyak 13 ratus itu merupakan hasil perjanjian sewaan Singapura kepada Inggeris sebagai pangkalan di Tanah Melayu. Perjanjian sewa tersebut merupakan satu helah licik Inggeris untuk menguasai tanah Melayu. Akibat daripada perjanjian sewa ini, Singapura tergadai kepada keturunan asing pada akhir abad ke-20 dan perjanjian sewa antara Sultan Hussein dengan Inggeris telah ditamatkan, seterusnya bermulalah kuasa Inggeris ini menjarah ke seluruh tanah Singapura sebagai tanah jajahan mereka (Zainal Kling, 2019:26).

Keruntuhan kerajaan di alam Melayu disebabkan oleh kelemahan peribadi raja sering ditemukan dalam karya klasik bercorak sastera sejarah

seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Babad Tanah Jawa*. Penulisan sebegini adalah bertujuan untuk memberikan peringatan dan pengajaran kepada raja-raja seterusnya termasuk pemimpin masa kini agar tidak mengulangi kesilapan yang sama.

Pengarang syair juga membawa pesanan tentang konsep keadilan dan permuafakatan antara raja dengan pegawai dan rakyat. Raja dalam karya historiografi dianggap sebagai pohon, iaitu payung kepada rakyat, kerana pohon tidak mampu berdiri tanpa akar, iaitu rakyat (Hassan Ahmad, 2005:31). Raja turut disamakan dengan api yang tidak akan menyala, tidak berkuasa tanpa kayu sebagai sumber. Pernyataan ini menjelaskan betapa eratnyanya hubungan raja dan rakyat (Hassan Ahmad, 2005:31). Namun dalam syair ini, Sultan Hussein telah mengabaikan rakyatnya dengan membiarkan mereka terus ditindas. Kewajipan seseorang pemimpin memerintah dengan adil telah disebut oleh Allah dalam *Surah Sad* (38:26):

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami menjadikanmu khalifah (penguasa) di bumi. Maka, berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan hak dan janganlah mengikuti hawa nafsu karena akan menyestakan engkau dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, karena mereka melupakan hari perhitungan.”

Berdasarkan petikan al-Quran, kewajipan seorang pemimpin dalam mentadbir urusan negara dengan menggunakan akal yang waras jelas dinyatakan dan kebinasaan akan diterima oleh pemimpin sekiranya gagal menjalankan amanah tersebut. Akibat kelemahan akal, Sultan Hussein menjadi seorang yang hanya memikirkan dirinya sendiri. Hal ini menjelaskan nilai-nilai murni sudah lenyap dalam diri Sultan Hussein dan Tenku Perabu seperti mana diperkatakan oleh Muhammad Haji Salleh (1994:25):

Negeri Singapura telah aib kerana rajanya tidak berlagak seperti raja. Syair ini memperlihatkan suatu pergelutan nilai antara istana dengan rakyat atau penyair yang ingin menggantikan nilai-nilai yang ada dengan nilai-nilai dan cara-cara baik supaya negeri itu kembali kepada landasan asalnya. Syair ini juga amat radikal dan unik kerana keberaniannya untuk menyatakan kesalahan rajanya secara terang-terangan.

Syair Tenku Perabu juga memperlihatkan nilai moral dalam keluarga diraja Singapura tersebut telah punah dan larangan agama tidak lagi diikuti.

Hasil hubungan sulit telah menyebabkan Tenku Perabu mengandung anak luar nikah, dan bagi menutup rahsia tersebut, Tenku Perabu telah bertindak mengugurkan bayi dalam kandungannya (*Syair Tenku Perabu*, 1994:58):

Hatta beberapa dianui keling,
Tenku Perabu berasa empat bulan bunting,
Segera dipanggil bidan yang asing,
Masuk ke bilik pintu dikacing.

Disuruh buangkan anak celaka,
Ditanamkan di bawah pokok cempaka,
Dibuangkan itu Tambi tak suka,
Tenku Perabu digocoh kena di muka.

Oleh itu, penulisan syair ini merupakan suara masyarakat Singapura yang tidak berpuas hati dengan kezaliman yang dilakukan oleh raja mereka. Sultan dalam syair ini bukan lagi sebagai “payung” negara yang melindungi rakyat, namun sebaliknya hanya menjadi “penonton” terhadap penderitaan yang dialami oleh rakyatnya sehingga rakyat melempiaskan kemarahan tersebut dengan kata-kata kesat (*Syair Tenku Perabu*, 1994:60).

Masing-masing pun diam berhati gundah,
Sambil memaki menyumpah meludah,
Ke sana ke mari tunduk tengadah,
Malu dan aib habislah sudah.

Penggunaan perkataan kesat merupakan salah satu kaedah untuk menyerang atau menentang kembali. Serangan mulut menggunakan perkataan kesat menerangkan tentang ketidakpuasan hati dan kemarahan emosi yang melampau, dan juga merupakan satu daripada kaedah untuk menang dalam konflik. Serangan mulut adalah berbentuk serangan psikologi dan boleh memberikan kesan trauma berpanjangan kepada mereka yang terlibat (Abdullah Hassan & Ainon Mohd., 1997:26). Kata-kata kesat sebegini membuktikan amarah rakyat sudah tidak dapat dikekang lagi oleh kesetiaan tradisional.

Dusta dan helah juga menjadi penyebab kepada konflik terutamanya dalam perhubungan sama ada dalam perhubungan kekeluargaan atau perkahwinan. Dusta dan helah menjadi satu daripada penyelesaian kepada konflik supaya dapat menutup kesalahan atau bertujuan mengelakkan berlakunya pertelingkahan yang lebih besar (Abdullah Hasan & Ainon Mohd., 1997:34). Bagi menutup perbuatan terkutuk

bersama Tambi, Tenku Perabu telah memfitnah Tenku Jalil (*Syair Tenku Perabu*, 1994:58–59):

Tenku Jalil pun mendengar berasa malu,
Hatinya geram bukan terlalu,
Diintai-intainya hendak dipalu,
Di dalam begitu Tenku Perabu pun tahu.

Lalulah disembahkan pada Yang Dipertuan,
Mengatakan Tenku Jalil jahat kelakuan,
Ke sana ke mari mengusik perempuan,
Patik mendengar sangatlah maluan.

TuanKu suruhlah ke Pahang sana,
Belajar adat supaya sempurna,
Duduk di sini apatah guna,
Tingkah lakunya suatu tak kena.

Fitnah yang dilemparkan adalah bertujuan untuk menyingkirkan Tenku Jalil kerana beliau sudah mengetahui kelakuan sumbang Tengku Perabu dan Tambi. Tanpa menyiasat kesahihan berita tersebut, Sultan Hussein telah menjatuhkan hukuman buang negeri kepada Tengku Jalil (*Syair Tenku Perabu*, 1994:59):

TuanKu mendengar sembah yang demikian,
Di hati baginda sangatlah kasihan,
Putera nan besar sudahlah sekian,
Berasalah malu pada orang sekalian.

Dititahkan ke Pahang bersegera-segera,
Dengan Tengku Perabu empunya bicara,
Dari halnya tuanku tidaklah kira,
Dirinya baginda kedatangan cedera.

Disuruhnya panggil Tengku Jalil pun datang,
Duduk menyembah baginda menentang,
Titah baginda “Aku berpantang,
Janganlah engkau ke mari datang.

Pergilah ke Pahang sedikit hari,
Pengertian yang baik boleh engkau cari,
Mak engkau di Pahang tahu mengajari,
Sudah engkau dapat baliklah ke mari.

Keputusan yang diambil oleh Sultan Hussein memperlihatkan dengan lebih jelas kelemahannya sebagai seorang ayah dan raja yang bukan hanya gagal mempertahankan rakyat malah anaknya turut dikorbankan. Hukuman terburu-buru yang dikenakan ke atas Tenku Jalil menandakan kemuncak konflik raja yang tidak adil dan teliti bersabit hubungan dan tingkah laku negatif.

Manusia yang lemah akal cenderung menjadi seorang yang tidak adil dan bertindak zalim termasuklah seorang raja. Raja yang lemah akan terus menindas rakyatnya kerana tidak dapat membezakan antara perkara yang baik dengan buruk. Raja merupakan pemimpin yang memikul tanggungjawab berat dan besar dalam negaranya. Seorang raja harus memiliki keperibadian yang mulia untuk menjadi contoh tauladan kepada orang-orang bawahannya. Sekiranya raja tersebut tidak memiliki keperibadian yang baik, raja tidak dapat memimpin rakyatnya. Oleh itu, dalam sastera ketatanegaraan, selain adil, akal yang sihat harus ada dalam diri seorang raja. Sikap adil tidak akan terlaksana jika raja tidak memiliki akal yang sihat (Jelani Harun, 2003:133). Sultan Hussein juga menyalahgunakan haknya sebagai bapa kerana telah menikahkan anaknya Tenku Andak dengan Tambi atas kehendak Tenku Perabu. Perkahwinan antara Tenku Andak dengan Tambi beerti Sultan membenarkan kemungkaran untuk berlaku dalam keluarganya, dan di sinilah puncak keruntuhan nilai-nilai keperibadian seorang raja, suami dan ayah yang gagal memberikan contoh yang baik sebagai ketua negara dan ketua rumah tangga (*Syair Tenku Perabu*, 1994:72–73):

Aku nan bini raja bernegeri,
Sekalian pun tahu kanan dan kiri,
Baiklah si Andak pulak kuberi,
Kepada Tambi menjadi isteri.

Salah sedikit kepada rasa,
Melayu dan Keling berlainan bahasa,
Dari halnya Tambi kekurangan bangsa,
Bolehlah kugelar kuberi kuasa.

Berkira berfikir sudah muafakat,
Tambi Abdul Kadir baik kuangkat,
Kulatih kugelar kuberi berpangkat,
Selama-lamanya boleh berdekat.

Apabila sudah kujadikan menantu,
Aku pun boleh menumpang di situ,
Anakku tuma aku nan kutu,
Di manakan tahu orang-orang disitu.

Gelarannya Tambi Tungku Muda Sehari,
Gagah berani di dalam puri,
Hendaklah sekalian tahu-tahu sendiri,
Bermalu bersopan takut dan ngeri.

Frasa “anakku tuma aku nan kutu” telah berjaya membuktikan Tenku Perabu ialah parasit yang merupakan penjarah dalam keluarga yang mengambil kesempatan ke atas orang lain demi kepentingan diri sendiri. Perkahwinan ini turut membawa pengertian bahawa sudah tidak wujud perkahwinan sebangsa atau setaraf kerana Tenku Perabu meminta Tenku Jalil menerima Tambi sebagai saudaranya (*Syair Tenku Perabu*, 1994:79):

Zaman ini sekarang sudahlah beralih,
Engkau pun bukan tidak mengelih,
Encik Wan, raja-raja, mukmin dan salih,
Bermenentukan Cina Keling pun boleh.

Syair Tenku Perabu agak berlainan dengan karya-karya syair-syair tradisional masyarakat Melayu kerana dialognya cukup berterus terang dan lebih banyak menggunakan kata-kata yang kurang menyenangkan. Pengarang *Syair Tenku Perabu* seolah-olah didesak oleh keadaan untuk menyampaikan mesej dalam syair ini secepat mungkin. Namun begitu, mutu karyanya cukup tinggi, terutamanya sebagai karya protes dan mempunyai nilai-nilai yang agak berlainan daripada bentuk karya sastera lainnya.

Tujuan pengarang *Syair Tenku Perabu* bukanlah bertujuan memalukan atau mengaibkan rajanya tetapi untuk memberikan pengajaran kepada raja-raja negeri lain termasuk pemimpin kini agar tidak mudah dimanipulasikan oleh orang luar seperti yang terjadi kepada Sultan Hussein. Pengarang dengan lantangnyanya menjelaskan bahawa konflik keluarga diraja Singapura tidak dapat lagi diperbetulkan kerana perkara yang salah telah dihalalkan (*Syair Tenku Perabu*, 1994:80):

Demikian yang sudah lakunya syahdan,
Yang salah selalu dijadikan teladan,
Raja-raka dan menteri mabuk dan edan,
Yang tidak berpatut dijadikan padan.

KESIMPULAN

Syair Tenku Perabu merupakan karya-karya berbentuk protes yang dipenuhi dengan konflik nilai dalam diri pemerintah. Syair ini membidas kelemahan dalam diri keperibadian Sultan dan permaisurinya yang telah melanggar ketertiban diraja serta telah memalukan seluruh istana dan rakyat Singapura kerana kelemahan sultannya. Syair ini sangat padat dan dipenuhi unsur-unsur berjenis tegang di tengah-tengah kemelut istana. Rangka keadilan dan adat Melayu digunakan untuk menilai perlakuan watak-wataknya dan peristiwa yang sedang berlaku ketika itu. Dalam puisi ini pengarang merupakan insan penting dalam menjatuhkan hukuman kepada pesalah melalui ungkapan-ungkapan kasar yang digunakan oleh pengarang. Perkara ini merupakan satu daripada tanggungjawab seorang pengarang yang harus menyampaikan kebenaran kepada generasi seterusnya seperti yang dinukilkan dalam teks *Sulalatus Salatin* (1979:2):

...supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan adalah beroleh faedah ia daripadanya.

Pernyataan ini menjelaskan bahawa sastera klasik bukan hanya sekadar hiburan semata-mata tetapi mendukung tanggungjawab berat dalam menyampaikan amanah daripada generasi terdahulu. Karya-karya sastera klasik terutamanya berbentuk historiografi membawa pesan atau nilai-nilai didaktik dalam penulisannya untuk tatapan generasi kini. Perkataan “faedah” membawa maksud “bernilai, berharga”, begitu juga kisah-kisah yang terdapat dalam karya-karya klasik bukan hanya sebuah cerita tetapi membawa bersama pengalaman, peringatan serta nasihat berguna agar generasi selepasnya tidak mengulangi kesilapan yang sama (Noriah Taslim, 2008:49–50).

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas sokongan yang diberikan dalam penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (1979). *Sulalatus Salatin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1997). *Komunikasi untuk pemimpin*. Utusan Publication.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1998). *Berkonflik dan Berunding*. Utusan Publication.
- Blake, W. (1991). The resolution of conflict. Dalam T. Weber, *Conflict resolution and Ghandian ethnics: The Ghandi Peace Foundation*.
- Jelani Harun (2017). *Karya agung dan politik kenegaraan Melayu*. Universiti Sains Malaysia.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran adab ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2005). *Pengenalan konsep dan gagasan karya agung Yayasan Karyawan*. Yayasan Karyawan.
- Malike Ibrahim. (2008). *Mengurus konflik*. IBS Buku Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. (1994) (Pytg.). *Syair tantangan Singapura abad kesembilan belas*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Romance and laughter in the archipelago: Essays on classical and contemporary poetics of the Malay world*. Universiti Sains Malaysia.
- Nidzam Sulaiman. (2018). *Pemikiran sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim (2008). *Sulalat-us-Salatin dan strategi ketahanan politik Melayu Abad ke-17*. Dalam *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu), Cerakinan sejarah, budaya dan bahasa*. Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud. (Ed.). Universiti Sains Malaysia.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP*. (n.d.). *Konflik*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=konflik>.
- Pruitt, D. G., & Rubin J. Z. (2004). *Teori konflik sosial*. Pustaka Pelajar.
- Rahimah Hamdan, & Mayzatul Syuhaiba Razali. (2022). Fakta sejarah dalam bait *Syair Tenku Perabu* di negeri Singapura adanya. *Jurnal Kesidang*, 7(1). 248–270.

- Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud. (2018). Duka yang bertakhta: Adab pemerintah dalam dua karya kesusasteraan Melayu tradisional. *JMS*, 1(1), 233–272.
- Syed Hussin Ali. (2014). *Raja-raja Melayu: Kemajuan atau kemunduran?* Strategic Information and Research Deveploement Centre.
- Wan Roshazli Wan Razali (2022). *Keadilan raja sebagai strategi naratif dalam Ini Syair Tenku Perabu di negeri Singapura adanya berdasarkan Nasihat Al-Muluk karya Imam Al-Ghazali*. <https://www.languagecouncils.sg/mbms/en/-/media/mlc/sekata---jurnal-bahasa-dan-persuratan-2022.pdf>.
- Zainal Kling. (2019). *Kedaulatan dan kekuasaan melayu dalam teks sastera*. Dalam Jelani Harun & Rogayah A.Hamid. (Ed). *Kedaulatan dan kekuasaan Melayu dalam teks sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.